

ADAT PERPATIH MEMPENGARUHI
PERSONALITI SEORANG TUKANG RUMAH

SKI 300

JABATAN PENGAJIAN PEMBANGUNAN KELUARGA
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA
SERDANG, SELANGOR DARUL EHSAN

1995

UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA

**SKJ : 300
(PERSONALITI)**

**Pensyarah
EN. NORHALIM BIN HJ. IBRAHIM.**

Tajuk

**ADAT PERPATIH MEMPENGARUHI
PERSONALITI SEORANG
TUKANG RUMAH**

**Oleh
FAUZIAH HASHIM (30642)
HAMZAH OTHMAN (29894)
ZULHEMAY MOHD. JIDIN (31008)**

**PROGRAM BAC. PEND. (PBMP)
SEMESTER : 08 (1994/1995)**

Kum 12 .

**SKJ 300
JABATAN PENGAJIAN PEMBANGUNAN
KELUARGA
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA
SERDANG, SELANGOR DARUL EHSAN
1995**

PENGHARGAAN

Bismillahir Rahmanir Rahim

Syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah kerana dengan taufik dan hidayatnya kami telah dapat menghasilkan kajian topik ini. Kami ucapkan jutaan terima kasih kepada mereka yang telah turut memberikan galakan dan bimbingan semasa menjalankan kajian ini.

Pertama sekali kami ingin berterima kasih kepada Encik Norhalim B. Abd. Rahman kerana telah membuka jalan dalam pemilihan kajian topik tersebut dan juga menjadi penasihat yang telah memberikan tunjuk ajar dalam melaksanakan kajian ini hingga jayanya.

Terima kasih juga kepada isteri Encik Hussain B. Ahmad, Temah bt. Dahalim dan anak-anak, cucu-cucu beliau yang telah memberikan segala informasi kepada kami hingga berjaya menyiapkan kajian ini.

Wassallam.

Fauziah Hashim	30642
Hamzah Othman	29894
Zulhemay Mohd. Jidin	31008

SINOPSIS

Perkembangan adat dalam masyarakat Melayu di Negeri Sembilan telah memberikan kesan yang mendalam terhadap masyarakatnya. Apa yang ingin dititik beratkan ialah adat telah berfungsi sebagai satu perlembagaan hidup. Perlembagaan ini juga telah menghasilkan beberapa pemimpin yang berkaliber dan juga dari sikap yang suka bergotong royong, masyarakat telah membentuk dan mendisiplinkan beberapa orang tukang-tukang rumah yang kreatif lagi seni di beberapa daerah seperti Kuala Pilah, Jelebu, Johol, Sungai Ujung dan Rembau di Negeri Sembilan.

Apa yang menyedihkan kini ialah kebanyakan tukang rumah tradisional yang ada di Negeri Sembilan telah beransur kurang dan hampir luput akibat perkembangan teknologi di mana tenaga mereka kurang diperlukan. Tambahan pula penduduk di Negeri Sembilan kini lebih berminat tinggal di rumah-rumah yang diperbuat daripada batu bata, beratap genting dan berlantaikan jubin yang didirikan tanpa tiang dan lantai ke paras tanah. Contohnya tinggal di rumah teres kerajaan adalah satu kebanggaan, walaupun rumah itu sempit. Kebanyakan mereka yang tinggal di rumah jenis ini ada mempunyai

tanah dan rumah sendiri di kampung. Akhirnya rumah yang di kampung akan ditinggalkan kosong hingga dimakan zaman.

Sikap yang begini telah mengakibatkan ramai dari penduduk kampung tidak pandai bertukang lagi, mereka cuma mengharapkan rumah baru yang akan didirikan oleh kerajaan atau pihak swasta. Ada pula yang takut untuk mendirikan rumah kayu tradisional yang besar seperti yang ada sekarang. Akibat penghijrahan penduduk desa ke bandar banyak rumah-rumah yang terbiar dan kosong.

Lantaran dari beberapa aspek yang wujud itu telah melenyapkan beberapa tukang rumah tradisional sehingga kemahiran dan kepakaran mereka lengap begitu sahaja. Apa yang memburukkan lagi apabila rumah-rumah dari hasil tangan sendiri diruntuhkan dan didirikan dengan rumah batu yang indah. Berdasarkan faktor-faktor itulah maka kami mengambil kesempatan untuk merakamkan latar belakang kerja seorang tukang rumah tradisional iaitu Encik Hussain B. Ahmad dari kampung Bukit Keledang, Rembau, Negeri Sembilan. Ini adalah untuk menghidupkan dan mengenang kembali jasa-jasa beliau sebelum nama dan hasil tangannya hapus ditelan masa.

Di sini juga kami mengambil kesempatan untuk menerangkan serba sedikit tentang sistem pembinaan dan konsep ruang di dalam rumah pembinaan beliau yang unik. Sebagai seorang pawang dan seorang ahli Tasauf, beliau benar-benar dapat menghayati erti hidup yang sempurna. Bagi beliau segala aspek penglibatan mestilah bersikap jujur dan ikhlas kerana tuhan semata-mata.

SENARAI GAMBAR FOTO

- Gambar Foto
- 1 - Rumah Anak Perempuan Yang Sulung
 - 2 - Rumah Anak Perempuan Ketiga
 - 3 - Rumah Anak Perempuan Kelima
 - 4 - Rumah Anak Perempuan Ketujuh
 - 5 - Rumah Anak Perempuan Kelapan
 - 6 - Rumah Anak Perempuan Kesembilan
 - 7 - Rumah Cucu Perempuan Kepada Anak Perempuan Kedua
 - 8 - Rumah Cucu Perempuan Kepada Anak Perempuan Keempat
 - 9 - Tangga Batu Yang Pertama Di Bina

ISI KANDUNGAN

Penghargaan	i
Sinopsis	ii
Gambar Foto	v
Isi Kandungan	vi
1.0 Pendahuluan	1
1.1 Definisi Konsep	3
1.1.1 Adat	3
1.1.2 Personaliti	5
2.0 Sejarah Wujudnya Adat	7
2.1 Perbilangan Asal Usul Adat Perpatih	8
3.0 Profil Seorang Tukang Rumah Tradisional	10
3.1 Permulaan Melibatkan Diri Dalam Pertukangan	11
3.2 Personaliti Pawang Dalam Diri Tukang Rumah	14
3.3 Falsafah Beliau Tentang Ruang Di Dalam Rumah	14
4.0 Sistem Pembinaan Dan Bahan	25

5.0 Kerja-Kerja Dan Aktiviti Beliau	27
6.0 Rumusan	43
Bibliografi	

3.0 PROFIL SEORANG TUKANG RUMAH TRADISIONAL DI REMBAU

Nama beliau ialah Hussain B. Ahmad dan telah dilahirkan di Kampung Tiga Nenek, Rembau, Negeri Sembilan pada tahun 1921. Pada masa kecilnya beliau selalu menolong ibu bapanya di kebun untuk bercucuk tanam, menoreh getah, mencucuk atap dan berternak. Beliau dilahirkan dalam Suku Tiga Nenek.

Ketika usianya 20 tahun, beliau telah dikahwinkan dengan Temah bt. Dahalim. Dari hasil perkongsian hidup beliau, telah dikurniakan sepuluh orang cahaya mata iaitu dua lelaki dan lapan orang perempuan.

Kepakaran beliau dalam seni bina di Rembau tidak dapat ditandingi. Tidak ada seorangpun daripada anaknya yang mewarisi kebolehan dan kepakarannya. Di samping sebagai tukang rumah, Encik Hussain juga aktif dalam menjalankan hukum perundangan Adat Perpatih. Di dalam Lembaga adat, beliau digelar Maharaja Hussain kerana mahir di dalam selok belok adat. Beliau sungguh dihormati oleh anak buahnya dan sesiapa sahaja yang pernah berjumpa dengannya pasti akan terpicat dengan penggunaan gaya bahasa yang digunakan.

Adat Perpatih banyak mempengaruhi personaliti Encik Hussain dalam mencari idea untuk mencetuskan reka bentuk

yang sesuai dalam pembinaan rumah agar ianya sesuai dengan budaya masyarakat di sekitarnya. Oleh sebab itulah rumah-rumah yang telah dibina olehnya melambangkan identiti diri-nya seperti di dalam foto-foto yang dilampirkan.

3.1 Permulaan Melibatkan Diri Dalam Pertukangan

Sewaktu beliau kecil , kerja-kerja bertukang bukan menjadi impiannya kerana masyarakat ketika itu hidup dengan bercucuk tanam. Oleh sebab adat berperanan begitu penting dalam aspek membina rumah iaitu dengan sistem gotong royong, maka secara tidak langsung kebolehannya wujud dengan sendiri. Ini disokong pula dengan bakat yang ada pada dirinya.

Biasanya setiap rumah dan bangunan yang hendak didirikan mestilah dalam suasana bergotong royong tidak kira sama ada rumah atau bangunan itu besar atau kecil. Malahan dalam membina reban dan tandas juga dibuat bersama-sama dan inilah yang diamalkan oleh masyarakat ketika itu. Nilai hidup bermasyarakat sangat dipentingkan oleh masyarakat Adat Perpatih. Usaha-usaha untuk muafakat tergambar dalam kata-kata adat

Berat sama dipikul
 Ringan sama dijinjing
 Yang tidak ada sama dicari
 Sama sakit sama senang

Ke bukit sama mendaki
 Ke lurah sama menuruni
 Sama menghayun sama melangkah
 Jika khabar baik diberitahu
 Jika khabar buruk serentak didatangi
 Jika jauh ingat mengingat
 Jika dekat temu menemu
 Dapat sama laba
 Hilang sama rugi
 Bulat air kerana pembentung
 Bulat manusia kerana muafakat
 Faham sesuai, benar seukur
 Bulat jangan selisih
 Muafakat jangan bercanggah
 Tuah pada sekata
 Berani pada seiya
 Yang ada dimakan bersama
 Banyak diberi berumpuk
 Sedikit beri bercecah
 Duduk sama rendah
 Berdiri sama tinggi

Hari demi hari pengetahuan beliau dalam hal-hal pertukangan bertambah dan akhirnya setelah berkahwin beliau memberanikan diri membina rumah beliau sendiri sebagai tempat berteduh. Dari hutan yang tebal di kawasan perkampungan beliau telah dapat menghasilkan beberapa batang tiang yang dibuat sendiri. Rotan digunakan untuk pengikat manakala buluh yang tumbuh liar digunakan untuk dibuat dinding dan lantai. Daun pokok rumbia dibuatkan atap untuk berlindung dari panas dan hujan.

Dengan ketekunan dan kerajinan serta bantuan daripada jiran dan rakan-rakan akhirnya terdirilah sebuah rumah yang indah yang mempunyai sebuah serambi rumah tengah, sebuah bilik tidur, sebuah pelantar, ruang dapur dan ruang bertanak nasi.

Dengan kejayaan tersebut beliau lebih yakin dalam kerja pertukangan itu dan ramailah orang tertarik dengan hasil tangan beliau . Bermula dari sebuah rumah akhirnya kerjaya beliau dalam seni pertukangan berkembang iaitu dengan membina beberapa buah rumah jiran yang berhampiran seperti di Kampung Kota, Kampung Memperah, Kampung Mungkal, Kampung Seri Kendung, Kampung Gadung, Kampung Tiga Nenek, Kampung Agam dan Kampung Batang Nyamor .

Kemahiran beliau dalam hal-hal pertukangan semakin bertambah. Oleh sebab upah membina rumah tidak seberapa maka beliau tidak mampu untuk menggajikan pembantu dan akhirnya beliau terpaksa menyiapkan sendiri dengan bantuan anak-anak beliau. Beliau sangat berpegang kepada janji seperti dalam kata adat

**Kerbau dipegang pada tali
Manusia dipegang pada janji.**

Oleh sebab sifatnya yang sederhana, jujur, pintar, menghormati orang lain dan rajin maka pekerjaan encik Hussain telah menular ke luar kawasan dan daerah dan menjadi terkenal sebagai seorang tukang rumah tradisional.

3.2 Personaliti Pawang Dalam Diri Tukang Rumah

Sebagai seorang tukang rumah, ia bukan sahaja memiliki personaliti sebagai tukang rumah malahan ia juga berperanan sebagai pawang. Pengetahuan tentang jampi serapah perlu dituntut oleh pertukangan tradisional. Pengetahuan bukan untuk kegunaan diri tetapi digunakan untuk menghalau hantu ,jin dan jembalang. Sebagaimana yang dimaklumkan , untuk membina sesebuah rumah, terlebih dahulu hutan perlu diterokai dan dibersihkan. Kawasan-kawasan tersebut mungkin telah menjadi penempatan jin, hantu dan jembalang. Oleh itu sebagai seorang Islam lagi beradat, perlu bersopan santun di dalam memelihara hubungan baik agar tapak rumah yang dipilih bukan kawasan penghuni yang ghaib. Seandainya benar kawasan itu adalah miliknya maka satu perdamaian perlu dibuat antara pawang dengan makhluk halus. Di sinilah peranan ilmu kedukunan perlu sebelum sesuatu projek dilakukan.

3.3 Falsafah Beliau Di Dalam Segenap Ruang Dalam Rumah

Rumah diibaratkan sebagai sebuah kamar di dalam syurga iaitu indah, nyaman dan menghiburkan. Di sekeliling rumah mesti mempunyai taman, pokok buah-buahan yang

boleh dimakan. Dengan ini setiap rumah yang dibina akan disematkan sedikit ukiran untuk mengindahkan suasana dan ini akan memberi satu kepuasan kepada pembinanya.

Setiap rumah yang dibina adalah mengikut reka bentuk rumah tradisional berbentuk **Rumah Limas** di Melaka. Oleh sebab Encik Hussain telah mendalami ilmu Tasauf maka setiap ruang di dalam rumahnya mempunyai pengertiannya sendiri. Di samping mempunyai pengertian lahir sebagaimana yang dikehendaki oleh Adat Perpatih, ruang-ruang tersebut juga mempunyai makna yang tersembunyi seperti:

1. **Halaman** : Tempat berhimpun segala Roh di alam Arwah ketika belum lahir dan turun ke ubun-ubun bapa.
2. **Rumah Tangga** : Melambangkan pintu masuk yang sempit dari Alam Arwah ke ubun-ubun bapa (Bapa mengandung dahulu)
3. **Serambi** : Roh bermastautin di dalam diri bapa selama 40 hari - (serambi adalah tempat lelaki)

4. Ibu Rumah : Diibaratkan Roh telah masuk ke rahim ibu ketika ibu hamil 4 bulan.
5. Bilik Tidur : Sebagai tempat tidur bayi di dalam kandungan ibu sehingga 9 bulan 9 hari.
6. Pelantar : Ketika bayi lahir melihat cahaya alam yang terang benderang (selalunya pelantar tidak berdinding dan selalunya diletakkan tempayan untuk membasuh atau mandi. Setelah bayi dilahirkan , ia akan dimandikan atau dibersihkan di situ.
7. Rumah Dapur : Di ruang ini ibu akan menjaga anaknya hingga besar dan memberi makan agar menjadi insan yang berguna.
8. Ruang Dapur : Di sini anak akan menjadi dewasa dan akan membakar segala jiwa raganya untuk menyara hidup hingga ke akhir hayat.

9. **Pintu Belakang** : Pintu ini kita pulang atau kembali semula ke Alam Barzah.

BIBLIOGRAFI

- Abdullah Sidik. (1980). Islam dan Ilmu Pengetahuan, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hijazi Jasmon. (1983). Konsep Uniti Didalam Rekabentuk Rumah Melayu Tradisional di Johor Dari Aspek Ilmu Tasauf, Kajian Topikal.
- Mohd. Hamzah Bin Jumiran. (1980). Senibina Tradisional Negeri Sembilan Dalam Aspek Sejarah, Sosio Budaya, Rekabentuk dan Pembinaan, Lukisan Kerja.
- Mohamed Din Bin Ali. (1957). Sambaan Cakap Dan Pepatah Adat Melayu.
- Syed Muhammad Naquib Al-Atas. (1970). The Mysticism of Hamzah Fansuri, Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (1982). Hubungan Antara Undang-Undang Islam Dengan Undang-Undang Adat, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.